

PERBEZAAN TAFSIRAN MENGENAI KERAJAAN ISLAM

Jangan mudah menuduh—PM

17 SEP 1985

Oleh MANJA ISMAIL

Persatuan
Ulama,
Abim
sokong
Dr M jadi
pendamai

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pihak tertentu supaya jangan mudah menuduh sesuatu pemerintahan sebagai tidak Islam, semata-mata kerana berpegang kepada tafsiran mengenai kerajaan Islam yang berbeza dengan orang lain.

Perdana Menteri berkata, penafsiran mengenai kerajaan Islam adalah berbeza dan tiada siapapun boleh berkata tafsirannya sahaja yang tepat.

"Pada hemat saya, sehingga kiamat pun perbezaan tafsiran mengenai kerajaan Islam akan wujud kerana penafsir bukan pesuruh Allah walaupun ia amat arif di bidang agama," tegasnya.

Dalam hubungan ini, beliau berkata: "Kita tidak boleh berpegang kepada sesuatu tafsiran sehingga bermusuhan dengan orang Islam lain yang tidak menerima tafsiran yang kita pegang."

KUALA LUMPUR, Isnin — Beberapa pertubuhan mengalu-alukan perlantikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

sebagai ketua perwakilan Pertubuhan Negera-negara Islam (OIC) dalam perundingan damai menyelesaikan perang Iran dan Iraq.

Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) dan Persatuan Ulama Malaysia (PUM) berpendapat, cadangan itu bukan sahaja satu penghormatan kepada Perdana Menteri, tetapi juga negara.

Sabtu lalu, Presiden Bangladesh, Hossain Mohammad Ershad mencadangkan OIC melantik Datuk Seri Dr Mahathir dan Setiausaha Agung OIC, Encik Sharifuddin menjadi perwakilan OIC dalam perundingan damai Iran-Iraq.

Setiausaha Agung Abim, Encik Kamaruddin Jaafar, berpendapat, cadangan itu membuktikan negara kita aman dan Perdana Menteri khasnya dihormati oleh negara-negara Islam di dunia.

Keamanan

Encik Kamaruddin berkata, Perdana Menteri sekiranya dilantik, perlu memikirkan langkah-langkah keamanan jangka panjang untuk menyelesaikan sengketa itu di samping mewujudkan per-

Persaudaraan penting

"Jika kita berbuat demikian, akan berlakulah sengketa, bahkan peperangan sesama kita," kata Perdana Menteri ketika merasmikan bangunan Pusat Islam Malaysia, di sini hari ini.

Beliau menegaskan, jika sesuatu tafsiran itu jelas melanggar Rukun Islam, serta disahkan pula selepas kajian yang teliti dan mendalam oleh orang yang ditugaskan, barulah tafsiran itu boleh ditolak.

"Jangan mudah terpesong dengan rupa bentuk yang dikatakan Islam, sehingga kita lupa pentingnya persaudaraan dalam Islam.

"Allah menyeru orang beriman supaya jangan mencemuh dan merendahkan puak lain, kerana mungkin puak lain itu lebih baik daripada puak yang mencemuh," ujarnya.

Schubungan itu, beliau meminta semua pihak supaya sama-sama mengemblem tenaga memperkukuh umat seperti yang dikehendakki oleh Islam.

"Satu aspek penting dalam pengukuhan umat Islam ialah perpaduan umat itu sendiri. Selain itu, kita hendaklah berusaha menjauhkan segala unsur yang boleh memecah-belahkan umat Islam di negara ini," katanya.

Beliau berkata, pada zaman ini sebagaimana zaman dahulu, golongan yang mempunyai pandangan sempit muncul dan mengancam tuntutan ilmu yang tidak khusus berasaskan agama.

Katanya, puak itu akhirnya berjaya dan segala ilmu yang diterokai oleh orang Islam digururkan. Kesannya, orang Islam menjadi lemah dan dijajah oleh orang Barat yang sudah menguasai ilmu yang digururkan itu.

paduan negara-negara Islam.

Setiausaha Agung PUM, Haji Mohd Amin Salleh, berpendapat, cadangan itu membuktikan negara ini dikenali kerana usahanya menerapkan nilai-nilai Islam.

Katanya, cadangan itu juga menunjukkan negara-negara Islam lain memandang tinggi kemampuan kita memperjuangkan kedamaian dan menegakkan syiar Islam.

"PUM berharap masalah perang Iran-Iraq dapat diselesaikan segera demi kebaikan bersama.

Keliru

"Kecewa dengan kelemahan mereka, ramai orang Islam mengambil sikap bahawa berusaha memakmurkan bangsa dan negara tidaklah termasuk dalam tuntutan Islam.

"Mereka menjadi keliru mengenai usaha sehari-hari mereka dalam konteks hubungan mereka dengan Islam," tegas Perdana Menteri.

● UCAPAN PENUH DI MUKA 10

Di Malaysia, ujarnya, walaupun ada golongan tertentu cuba menghalang, kesedaran baru telah mendorong usaha membentuk sistem pendidikan yang mengimbangkan tekanan pelajaran agama dan ilmu lain yang boleh menguatkan umat.

Menurutnya, sistem pendidikan negara ini tepat menghayati kehendak agama yang menyuruh mencari kebahagiaan akhirat dengan tidak melupakan kebahagiaan serta keperluan di dunia.

Hadir sama di perasmian itu ialah Presiden Republik Maldives, Encik Maumoon Abdul Gayoom, Sheikh Al-Azhar, Sheikh Ali Gadul Haq, bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn serta menteri-menteri Kabinet.